

18 SEP 1999

Mahathir-Timor

THAILAND AKAN PEGANG JAWATAN NOMBOR DUA PASUKAN PBB DI TIMOR TIMUR

TUARAN, 18 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata seorang brigidier-jeneral Malaysia tidak akan memegang jawatan timbalan komandan pasukan tentera pelbagai negara Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi misi pengaman di Timor Timur seperti yang dilaporkan semalam.

Perdana Menteri berkata jawatan nombor dua itu sebenarnya diberikan kepada Thailand.

Semasa bercakap pada satu persidangan berita di sini sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, Dr Mahathir berkata ini disahkan kepada beliau oleh setiausaha agung PBB Kofi Annan.

Perdana Menteri mempertikaikan kenyataan Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha semalam bahawa seorang brigidier-jeneral Malaysia telah dilantik sebagai timbalan komandan pasukan tentera pelbagai negara yang akan ditugaskan di Timor Timur untuk mengembalikan undang-undang dan ketenteraman.

Abu Bakar juga dipetik sebagai berkata brigidier-jeneral itu turut akan mengetuai kumpulan awal 16 pegawai dan 13 anggota tentera Malaysia menyertai pasukan pelbagai negara berkenaan.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata Malaysia akan menghantar pasukan awal ke Timor Timur.

Katanya "tiada gunanya untuk bergaduh mengenai siapa yang dilantik memegang jawatan itu (sebagai timbalan komandan)."

"Lagipun pasukan PBB itu belumpun ditubuhkan lagi," kata Dr Mahathir sambil menegaskan bahawa apa yang penting ialah bagi pasukan pengaman itu melaksanakan mandat yang diberikan.

Perdana Menteri juga menekankan bahawa Malaysia menyokong kehadiran pasukan pengaman di Timor Timur.

Australia akan mengetuai pasukan pelbagai negara seramai 8,000 anggota ke Timor Timur untuk memulihkan undang-undang dan ketenteraman selepas anggota militia pro-Jakarta mengamuk membunuh beribu-ribu orang, menurut satu laporan berita, berikutan pengundian menuntut kemerdekaan daripada Indonesia bulan lepas.

Laporan dari Dili, ibukota Timor Timur berkata komander Australia daripada pasukan PBB, Maj-Gen Peter Cosgrove dijangka tiba di wilayah itu esok.

Thailand menyumbang sebuah pasukan seramai 1,500 orang termasuk 1,000 infantri, 50 perubatan dan juruteknik serta kakitangan tentera udara dan laut. Ia juga akan membekalkan sebuah pesawat pengangkut C-130 dan tiga kapal tentera laut.

Thai akan diketuai Maj-Jen Songkitti Chakkabatr, pengarah bahagian maklumat tentera dan bekas atasey tentera ke Indonesia, yang akan bertindak sebagai timbalan komander pasukan pengaman itu.

-- BERNAMA

AU RM RON